

27/06/1999

Badan berkanun harus contohi sektor swasta

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata badan berkanun yang terbabit dalam perniagaan harus berusaha membuat keuntungan tanpa bergantung kepada peruntukan tahunan kerajaan.

Kata Perdana Menteri, mereka yang dilantik untuk mengurus badan berkanun mesti cekap dalam pengurusan dan memahami tujuan kerajaan mengadakan badan berkanun.

Menurutnya, mereka perlu mencontohi kejayaan sektor swasta mewujudkan pengurusan yang baik, bagi memastikan keuntungan sewajarnya dicapai setiap tahun.

"Mungkin kita tidak menumpukan keuntungan yang besar tetapi kita tidak mahu rugi. Kita harap badan berkanun mencapai keuntungan yang sewajarnya supaya kerajaan tidak perlu menambah peruntukan yang banyak kepada badan berkanun setiap tahun," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di jamuan malam rasmi sempena mesyuarat agung tahunan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM) di sini, malam semalam.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Halim Ali; beberapa exco kerajaan negeri termasuk Datuk Syed Razak Zain bagi mewakili Menteri Besar Kedah dan Rahman Ariffin; Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Abdul Halil Mutalib; Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib; dan Yang Dipertua PBBM, Datuk Dr Yusof Basiron.

Di majlis berkenaan, Dr Mahathir turut menyampaikan Anugerah Laporan Tahunan Terbaik dalam bahasa Melayu bagi sektor badan berkanun 1999 kepada Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia yang muncul johan, Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (kedua) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, ketiga.

Dr Mahathir berkata, pada zaman ini, pegawai tinggi kerajaan yang bersara didapati tidak dapat tidak terpaksa memasuki bidang swasta dan membabitkan diri dengan pengurusan dan perniagaan yang penting.

"Jika ketika berada dalam kerajaan, mengurus badan berkanun, umpamanya, mereka tidak belajar pengurusan yang cekap tetapi selepas menyertai bidang perniagaan, kekurangan kecekapan pengurusan akan menyebabkan mereka kerugian dan kadang-kadang amat teruk.

"Sebab itu, ketika berada dalam badan berkanun, kita harus belajar selok belok pengurusan. Ia bukan rumit untuk dipelajari. Semua kaum boleh mempelajari pengurusan yang baik," katanya.

Ketika berada dalam badan berkanun, katanya, keuntungan tidak didapati oleh mereka tetapi ilmu itu akan didapati oleh mereka, bukan kerajaan.

Menurutnya, kerajaan untung ketika mereka menguruskan badan berkanun dengan baik tetapi pengetahuan itu berguna apabila mereka bebas daripada kerajaan dan memasuki bidang perniagaan dan terbabit dalam pengurusan.

"Mungkin ada berpendapat mereka tidak akan terbabit secara langsung dengan pengurusan, sebaliknya mereka akan jadi pengarah, pengurus dan kita dapati kadang-kadang jadi pengarah dalam 200 syarikat.

"Ini bermakna mereka cuma lalu saja, tidak dengar pun minit mesyuarat. Duduk situ dapat elaun mesyuarat," katanya.

Dr Mahathir berkata, mungkin mereka kata untung tetapi mereka sebenarnya rugi kerana tidak dapat pengetahuan.

Berikutan itu, katanya, adalah lebih baik menjadi pengarah dalam bilangan syarikat yang kecil yang mereka benar-benar mengambil berat mengenai pengurusannya.

(END)